



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN TAHUN 2020

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **2 Disember 2021**, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seterusnya LKAN tersebut telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada **19 April 2022**.

3. LKAN Tahun 2020 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri, Negeri Sembilan antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2020

3.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Hal-Hal lain yang turut dinyatakan dalam Sijil Ketua Audit Negara menyentuh berkenaan pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan (AP) 103(a) bagi mengelakkan atau mengurangkan jumlah pembayaran di bawah AP58(a). Kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) hendaklah dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

3.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah RM884.63 juta, meningkat sejumlah RM9.60 juta berbanding RM875.03 juta pada akhir tahun 2019.

- b. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit sejumlah RM42.14 juta berbanding lebih berjumlah RM147.47 juta pada tahun 2019. Kutipan hasil menurun sejumlah RM108.56 juta (19.5%) menjadi RM447.88 juta pada tahun 2020 berbanding RM556.44 juta pada tahun 2019.

3.2. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sembilan

3.2.1. Setakat 31 Ogos 2021, kesemua tujuh BBN dan tujuh PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Jumlah PBT telah berkurang daripada lapan PBT pada tahun 2019 kepada tujuh PBT kerana penggabungan dua PBT, iaitu Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai yang menjadi Majlis Bandaraya Seremban.

3.2.2. Pada tarikh laporan disediakan, hanya empat penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan manakala 11 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.

3.3. Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri

3.3.1. Pada tahun 2020, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap perolehan secara sebut harga melibatkan dua jabatan negeri seperti berikut:

a. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan - Pembayaran Penuh Dibuat Terhadap Kerja dan Pembekalan Yang Tidak Disempurnakan Sepenuhnya

- i. Pembayaran penuh berjumlah RM115,860 telah dibuat bagi kerja perataan sawah kering dan kerja penyelenggaraan walaupun pegawai pengesah menyatakan bahawa kerja-kerja membanci paras tanah sawah berjumlah RM12,000 tidak dilaksanakan.
- ii. Pembayaran penuh berjumlah RM37,800 telah dibuat bagi bekalan 168 pasang pakaian seragam kepada pembekal, walaupun seorang pemandu telah meninggal dunia dan empat pemandu yang lain telah bersara pada tahun 2020 berjumlah RM2,250.

b. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan - Aset Diterima Lebih Rendah Spesifikasi Walaupun Harga Adalah Sama

- i. Pihak JPNS telah menerima spesifikasi yang berbeza iaitu GPS Handheld Garmin 64sc walaupun spesifikasi yang dinyatakan dalam Delivery Order dan invois adalah Garmin 66s. Sebanyak 11 unit@RM2,050 yang diterima melibatkan amaun sejumlah RM22,550.
- ii. Pembayaran sejumlah RM4,900 telah dibuat mengikut invois yang dikemukakan oleh pihak syarikat walaupun terdapat aset yang diterima tidak mengikut jenama/spesifikasi yang dinyatakan dalam invois.

4. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 12 syor terhadap penyata kewangan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. Laporan ini telah dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada **19 April 2022**. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my>. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

20 April 2022

18 Ramadan 1443